

Usaha masukkan acara silat digiat

11 DEC 1990

Oleh YUSOFF RAHMAN

SINGAPURA bersama rakan-rakannya dari Indonesia, Malaysia, Brunei akan membuat rayuan kepada Majlis Olimpik negara masing-masing bagi membantu supaya acara silat disertakan semula dalam Sukan SEA Manila tahun depan.

Ini adalah kerana silat, yang diperkenalkan dalam Sukan SEA Kuala Lumpur, telah digugurkan, walaupun sebelum ini diputuskan ia terus dikekalkan dalam sukan 1991.

Mendedahkan tentang perkembangan terbaru ini, timbalan presiden Persisi, Abdul Rahim Dayan, berkata Singapura bersama negara-negara anggota Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Pesilat) akan meminta bantuan Majlis Olimpik masing-masing merayu agar Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Manila menimbangkan semula keputusan terbaru mereka itu.

Pada mulanya pihak penganjur sedia menyertakan silat dengan syarat Pesilat membantu negara itu menubuhkan sebuah persekutuan silat di negara tersebut.



A. RAHIM: Bersetuju bantu Filipina anjur acara silat.

Selain daripada itu, Filipina juga meminta Pesilat menyediakan kepakaran dan kemudahan-kemudahan lain bagi membantu negara itu membentuk sebuah pasukan dan juga keupayaan mengendalikannya acara tersebut.

"Kami telah bersetuju untuk membantu Filipina dalam mesyuarat berasingan yang diadakan di sini, di Kuala Lumpur dan juga Brunei," jelas Rahim.

Malangnya, tambahnya lagi, Filipina kemudian mengubah pendirian dengan menulis surat dan memberi-

tahu bahawa silat akan digugurkan.

"Menyedari perkembangan terbaru ini, maka setiap negara anggota Pesilat digesa meminta Majlis Olimpik masing-masing membuat rayuan kepada Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA agar sedia menimbangkan semula keputusan terbaru itu," beliau menerangkan.

Difahamkan, Thailand telahpun mengemukakan rayuannya kepada Majlis Olimpik negerinya. Begitu juga dengan Malaysia, sementara Indonesia dalam proses membuat rayuan yang serupa.

"Kami juga akan membuat perkara yang serupa," jelas Rahim sambil menyebut dalam mesyuarat Majlis Kebangsaan Olimpik Singapura (SNOC) yang lalu, telah memberitahu tentang kejayaan Republik mengutip satu emas, satu perak dan dua gangsa dalam Kejohanan Terbuka Dunia di Belanda pada September lalu.

Singapura juga mencatatkan kejayaan yang membanggakan dalam Kejohanan Terbuka Malaysia dengan mengutip dua emas dan lima gangsa melalui lapan peserta yang mewakili negara.